

02/01/1997

Parti komponen diarah bantu calon Barisan Nasional

KUALA TERENGGANU, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengarahkan semua parti komponen Barisan Nasional bekerjasama membantu calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Chondong, Kelantan.

Perdana Menteri berkata, arahan yang dikeluarkan kepada ahli Umno turut membabitkan bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46).

"Saya tidak tahu kenapa berlaku kurangnya pihak yang berkempen," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan makan malam di kediaman Menteri Besar di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai kurangnya sokongan kepada calon Barisan Nasional (BN), Yusof Hamzah, yang akan menentang calon Pas, Zulkifli Mamat, dalam pilihan raya 6 Januari ini.

Mengenai kemungkinan Badan Pencegah Rasuah (BPR) memanggil Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, untuk disoal siasat berhubung kegagalannya mengisytiharkan S\$1 juta (RM1.7 juta) dan RM700,000 dalam bagasinya ketika ditahan di lapangan terbang Brisbane, Australia, Dr Mahathir berkata, itu adalah hak badan berkenaan.

Katanya, tidak ada sebab beliau menolak dakwaan Muhammad bahawa wang itu bukan miliknya kerana ada dokumen tertentu, termasuk surat peguam berhubung usahanya untuk membeli hartanah di Gold Coast, Brisbane.

(END)